

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan kualiti udara dan air di daerah Manjung terutamanya di kawasan industri dan penternakan. Nyatakan kawasan-kawasan di daerah Manjung yang mengalami pencemaran udara dan air.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa membuat pemantauan ke atas prestasi kualiti udara di dalam Negara termasuk di Daerah Manjung melalui Stesen Pengawasan Udara Automatik. Analisis yang dibuat melalui bacaan Indek Pencemar Udara (IPU) sepanjang tahun ini sehingga 15 Oktober 2020 mendapati 21% bilangan hari adalah **BAIK** dicatatkan di Daerah Manjung, manakala 79% bilangan hari mencatatkan bacaan IPU **SEDERHANA** dan tiada hari yang mencatatkan IPU tidak sihat. Analisis menunjukkan aktiviti industri dan penternakan di kawasan Manjung tidak menjejaskan kualiti udara setempat. Untuk makluman Ahli Dewan, Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau dan memastikan pelepasan ke udara dari aktiviti perindustrian terkawal melalui pemantauan dan penguatkuasaan melalui pematuhan industri ke atas Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.
2. Terdapat tiga (3) lembangan sungai dalam daerah Manjung, iaitu Lembangan Bruas, Lembangan Raja Hitam dan Lembangan Wangi. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS)

secara berterusan menjalankan pemantauan kualiti air sungai di seluruh Negara termasuk di empat belas (14) stesen pesampelan untuk ketiga-tiga lembangan

3. Di sepanjang tahun 2020, sebanyak lima (5) bilangan pesampelan telah dijalankan di setiap stesen pemantauan kualiti air di dalam lembangan-lembangan sungai tersebut. Keputusan analisis sampel air menunjukkan:

(i) Lembangan Bruas

Semua stesen berada pada Kelas I dan II (Indeks Kualiti Air (IKA) di antara 93 hingga 85) iaitu kategori bersih kecuali satu (1) stesen yang terletak di hilir Sg. Bruas berada pada kelas III (IKA di antara 75 hingga 67) iaitu dalam kategori sederhana tercemar.

(ii) Lembangan Raja Hitam

Semua stesen berada pada Kelas II dan III (IKA di antara 87 hingga 62) kecuali satu (1) stesen di hulu Sg. Raja Hitam berada pada kelas III dan IV (IKA di antara 74 hingga 33) iaitu dalam kategori sederhana tercemar hingga tercemar.

(iii) Lembangan Wangi

Semua stesen berada pada Kelas II dan III (IKA di antara 87 hingga 66) iaitu dalam kategori bersih hingga sederhana.

4. Berdasarkan kepada rekod JAS, kawasan perindustrian dan kebanyakan ladang-ladang ternakan dalam daerah Manjung terletak dalam Lembangan Wangi dan Raja Hitam yang mana kualiti air sungai-sungai yang dipantau berada dalam Kelas II dan III (kategori bersih dan sederhana tercemar). Namun begitu, hanya 1 stesen di hulu Sg. Raja Hitam yang berada pada status tercemar, iaitu Kelas IV yang disumbangkan oleh operasi kilang kelapa sawit yang sedang dipantau pematuhannya oleh JAS.

5. Semakan rekod aduan Jabatan ini juga mendapati sepanjang tahun 2020 sehingga Oktober 2020, sebanyak 47 aduan pencemaran udara dan 3 aduan pencemaran air dalam daerah Manjung yang diterima oleh JAS.

Sekian. Terima kasih.